

## Kesihatan terganggu punca letak jawatan

**K**ESETIAAN yang ditunjukkannya kepada Tunku Abdul Rahman selepas rusuhan 13 Mei 1969 turut mengesahkan, seperti yang ketahuai ramai bahawa Tun Dr Ismail bersara kerana masalah kesihatan, bukan kerana merajuk atau membantah sesuatu dasar Tunku.

Keputusannya meletakkan jawatan juga bermakna Tunku terpaksa berkhidmat lebih lama, walaupun sudah bercadang untuk bersara.

Dr Ismail menjalani hari terakhir sebagai Menteri pada 14 Mac 1967, dan selepas itu pergi bercuti – atau lebih tepat lagi ke London untuk pemeriksaan perubatan – sebelum memulakan hidup baru. Pergiannya dari puncak piramid kuasa adalah perubahan besar dalam politik Malaysia.

Sejak mulanya, tempoh persaraan Dr Ismail jauh daripada aman tenteram. Selain masalah jantung, dia menghadapi bahaya lebih besar, iaitu berulangnya masalah kanser leher. Menjelang pertengahan Jun 1968, Dr Ismail kembali ke London untuk radioterapi – ‘berjuang menyelamatkan nyawa’ bagi merawat ketulan ketumbuhan di belakang telinga. Selama tiga bulan dia duduk di sana seorang diri. Isterinya yang sedang sarat mengandung tidak dapat ikut sama.

Memang sukar juga Dr Ismail menyesuaikan diri dengan perubahan taraf sosial dan politik yang terjadi mendadak ke atasnya selepas bersara.

Tun Musa Hitam masih ingat betapa periang Ismail selepas bersara. Dia seronok memandu kereta sports sendiri, berpakaian warna-warni dengan gaya orang muda.

Walaupun bukan lagi pemimpin negara, minat Dr Ismail pada proses pembangunan negara tidak pernah luput. Pada 19 Oktober 1968, dia menulis surat kepada Philip Kuok mengenai keadaan negara. MCA dapat menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman, dan langkah itu dibalas pula dari pihak Melayu dengan tuntutan supaya ditubuhkan universiti kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Universiti Kebangsaan Malaysia akhirnya ditubuhkan pada 1971 di Bangi, Selangor.

Pada 5 Mei 1968, Dr Ismail mengetuai Umno Johor, dilantik pula mengetuai Perikatan Johor. Menjelang Ogos, seluruh Perikatan memulakan persiapan untuk pilihan raya umum yang bakal diadakan tahun berikutnya.

Setiausaha Agung Umno dan Menteri Pendidikan Khir Johari ditugaskan menerajui seluruh jentera, manakala Menteri Penerangan dan Penyiaran, Senu Abdul Rahman, menguruskan ‘sebaran dan hubungan’. Dr Ismail secara rasmi dipilih untuk mengepalai strategi pilihan raya.

Dr Ismail sudah mula berasa selesa dengan kehidupan baru. Namun beliau menderita kesan saki baki daripada perjuangan terbarunya melawan kanser – “mulut kekeringan, menyebabkan saya susah menikmati makanan dan susah membuat pidato panjang-panjang”.

Dr Ismail masih belum membuat keputusan sama ada hendak bertanding lagi mewakili kawasan pilihan raya Johor Timur. Tetapi dia sudah menetapkan fikiran, “kalau saya bertanding pun, dan menang, saya tidak akan menerima jawatan Menteri”.

# PBB medan Dr Ismail asah bakat pidato

BH- 5/5/2009

**S**EJURUS sebelum Hari Merdeka, Tun Dr Ismail Abdul Rahman diminta menjadi Duta Besar Malaya pertama ke Amerika Syarikat. Tunku Abdul Rahman juga mahu beliau memegang jawatan Wakil Tetap Malaya pertama ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sebagai negara baru, dirasakan penting bagi Malaya memupuk hubungan erat dengan kuasa besar dunia waktu itu. Amerika Syarikat juga mewakili ‘kapitalisme moden’, tempat pemimpin Malaysia meletakkan kepercayaan mereka, berbanding dengan apa yang dikatakan ‘kapitalisme lama’ yang menjajah selama ini. Dr Ismail bersetuju pergi, dengan syarat untuk tempoh setahun saja.

Kata Tunku kepadanya, ada dua saja pilihan untuk menjadi duta, Tun Abdul Razak Husein atau Dr Ismail, dan terustertang, Razak sangat diperlukan sebagai timbalannya. Sahabat handai dan saudara mara Dr Ismail terkejut dan berasa tugas itu umpama dibuang negeri dalam diam.

Tetapi kemungkinan itu nampaknya tidak pernah terlintas pada fikiran Dr Ismail sendiri, malah hatinya puas ditawarkan jawatan yang memberi peluang kepadanya untuk menjadikan ‘negara kita yang baru merdeka ini dikenali di dunia’.

Dr Ismail bertolak pada 15 Julai 1957 ke Amerika Syarikat. Beliau berada di Amerika Syarikat selama 16 bulan – September 1957 hingga Januari 1959 – pada awal kemerdekaan Malaya. Tempoh itu cukup mencabar baginya; “tak pernah saya bekerja sekeras itu sepanjang umur saya; seluruh tenaga saya bagai diperah-perah”.

Walaupun pada pendapatnya beliau terpaksa bersara awal pada 1967 disebabkan terlalu letih bekerja di luar negara, beliau juga yakin bahawa apa yang dipelajarinya waktu itu banyak mengasah kebolehan berhujah pada 1965 membela Malaysia terhadap Indonesia di PBB.

Dari semasa ke semasa dalam nota Dr Ismail, timbul usaha menubuhkan Bank Negara Malaya. Dr Ismail juga mendapat tahu waktu itu proses membentuk Bank Negara sudah rancak diperkatakan di tanah air. Sudah tentu dia gembira sekali, kerana hal itu sejajar dengan pelajaran yang diraihnya berhubung aspek ekonomi dalam pembinaan negara.

Parlimen akhirnya meluluskan Ordinan Bank Negara Tanah Melayu pada 23 Oktober 1958, dan Bank Negara baru ditubuhkan secara rasmi pada 26 Januari tahun berikutnya. Sekembalinya ke Malaya, Dr Ismail dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri pada Februari 1962. Apabila bersara pada 1967, beliau hairan sekali jasanya tetap dihargai. “Saya sangka enam tahun terakhir menjadi menteri dalam jawatan yang paling sukar tentu menjadikan saya orang paling dibenci di Malaya.”

Dalam perkembangan lain, rancangan asal untuk mengasaskan Malaysia pada tarikh kemerdekaan Malaya – 31 Ogos – tidak berjaya. Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963. Tanpa diketahuai Tunku, tarikh itu kebetulan hari ulang tahun ke-40 kelahiran Lee Kuan Yew.

Dr Ismail kurang setuju dengan syarat yang begitu pemurah ditawarkan Tunku kepada Sabah dan Sarawak, termasuk 40 kerusi di Parlimen Persekutuan. Hingga hari ini, perwakilan Malaysia Timur lebih besar daripada sepatutnya. Dua negeri itu menduduki 53 daripada 219 kerusi sehingga 31 Disember 2008.

Dalam pada itu pula, berlaku pemisahan



**DALAM siri kelima dan terakhir esok, Abdullah Ahmad Badawi menceritakan ‘gelagat’ Tun Abdul Razak dan Tun Dr Ismail ketika mesyuarat Majlis Gerakan Negara (Mageran) pada 1969. Tengku Razaleigh Hamzah pula menceritakan bagaimana Dr Ismail mahu Tun Dr Mahathir Mohamad dipecat daripada Umno pada 1969 dan kemudian berperanan menyekat dua percubaan untuk menerima Dr Mahathir kembali menjadi ahli Umno.**

Singapura daripada Malaysia secara rasmi pada 9 Ogos 1965, selepas hanya dua jam perbincangan di Parlimen. Tunku merayu sokongan Ahli Parlimen Sabah dan Sarawak. Sokongan diberikan dan Rang Undang-Undang Pengasingan diluluskan dengan sebulat suara.

Dalam satu wawancara, Setiausaha Agung Umno, Syed Jaafar Albar, orang paling keras menolak pemisahan, mendedahkan beliau sedang melangkah masuk ke dalam Dewan untuk mengkritik Rang Undang-Undang, tiba-tiba dihalang Dr Ismail. Menteri berkata, jika beliau berucap pada waktu itu membantah pemisahan, besar risikonya yang Sabah dan Sarawak keluar dari Persekutuan.

Pada April 1966, Tunku memaklumkan Darjah Kebesaran yang baru dengan nama Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia. Pada 8 Jun, Dr Ismail menjadi orang pertama menerima darjah kebesaran itu, apabila dianugerahkan Pangkat Pertama - Seri Setia Mahkota (SSM) - oleh Yang di-Pertuan Agong. Pangkat ini membawa gelaran ‘Tun’, dan sejak itu dunia mengenali beliau sebagai ‘Tun Dr Ismail’, dan isterinya sebagai ‘Toh Puan’.

Menjelang 30 September, Dr Ismail sudah tetap fikirannya hendak bersara. Dia tahu peletakan jawatan bagi orang yang berkedudukan seperti dirinya bukanlah perkara kecil. Beliau mengambil keputusan memberitahu Tunku awal-awal lagi, tanpa memberi tarikh yang pasti.

**JAWATANKUASA** Kabinet pimpinan Dr Ismail untuk membanteras rasuah akhirnya membentangkan usul penubuhan Badan Pencegah Rasuah (BPR), yang diletakkan di bawah arahan Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri selama beberapa tahun, kemudian menjadi badan bebas.

“Habis semua wang tabungan saya membeli rumah ini, tetapi saya rasa puas kerana saya membelinya dengan tabungan sendiri tanpa meminta layanan istimewa daripada sesiapa. Saya juga puas kerana tidak pernah menggunakan pengaruh saya atau meminta layanan istimewa daripada mana-mana pihak untuk mendapatkan tanah pada harga istimewa, baik daripada kerajaan mahu pun orang perseorangan, hinggalah saya meletakkan jawatan daripada Kabinet”

Dr Ismail Abdul Rahman



**WAKIL NEGARA:** Dr Ismail bersama Ismail Ali dan Tunku Ja'afar pada majlis pembukaan Perhimpunan Agung PBB ke-12 di New York pada 17 September 1957.